KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

PANDUAN PELAKSANAAN

DT | DIAGNOSTIC ENGLISH TEST

PROGRAM IJAZAH SARJANA MUDA (ISM)

PELAKSANAAN | PENTADBIRAN | PELAPORAN | PENAMBAHBAIKAN



BAHAGIAN KURIKULUM
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

2026

KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

PANDUAN PELAKSANAAN DT

DIAGNOSTIC ENGLISH TEST

PROGRAM IJAZAH SARJANA MUDA (ISM)

DEKLARASI HAKCIPTA

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula atau disebarkan dalam apa jua bentuk dan cara, sama ada dengan cara elektronik atau mekanikal termasuk fotokopi atau apa-apa sistem penyimpanan dan pengambilan maklumat tanpa kebenaran secara bertulis daripada penerbit Bahagian Kurikulum Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti.

eISBN 978-629-7550-66-4



Diterbitkan oleh:
Bahagian Kurikulum
Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti
Aras 4, Galeria PJH, Jalan P4W,
Persiaran Perdana, Presint 4,
62100 Putrajaya
Tel: 03-8891 9000 Fax: 03-8891 9056

PRAKATA

Penguasaan Bahasa Inggeris merupakan elemen penting dalam menyokong keperluan akademik serta kesiapsiagaan pelajar menduduki Malaysian University English Test (MUET), yang ditetapkan sebagai salah satu syarat bergraduat bagi Program Ijazah Sarjana Muda (ISM) di politeknik.

Sehubungan itu, *Diagnostic English Test* (DT) dilaksanakan bagi mengenal pasti tahap kompetensi Bahasa Inggeris pelajar pada peringkat awal pengajian. Dapatan DT menjadi asas kepada institusi dalam merancang Program Pengukuhan Bahasa Inggeris yang bersesuaian dengan tahap dan keperluan pelajar sebagai persediaan menduduki MUET.

Panduan ini meliputi tatacara pelaksanaan, pengurusan instrumen, pelaporan dan pemantauan. Institusi turut diberikan fleksibiliti untuk menentukan pendekatan Program Pengukuhan Bahasa Inggeris berdasarkan kesesuaian dan keperluan masing-masing.

Diharapkan panduan ini dapat menyokong pelaksanaan DT secara sistematik serta memastikan dapatan yang diperoleh dimanfaatkan bagi melaksanakan pengukuhan yang bersasar.

Sekalung penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang telah menyumbang kepakaran dan komitmen dalam pembangunan panduan ini.

KANDUNGAN

- Pengenalan 1
- Tujuan 3
- Skop Pelaksanaan 3
- Tafsiran 4
- Kaedah Pelaksanaan 5
- Program Pengukuhan Bahasa Inggeris 10
- Peranan dan Tanggungjawab 11
- Pelaporan dan Pemantauan 12
- Pengurusan dan Keselamatan Instrumen 13
- Lampiran 15
- Jawatankuasa Penerbitan 21

1.0 PENGENALAN

Berdasarkan ketetapan MKSDJK KPT-MQA Bil. 3/2023, MUET telah ditetapkan sebagai syarat wajib bergraduat bagi pelajar Program ISM berkuat kuasa mulai Sesi Akademik 2025/2026, tertakluk kepada pencapaian *band* minimum yang ditetapkan. Sehubungan itu, pelaksanaan DT rintis telah dilaksanakan kepada pelajar Program ISM Sesi I 2025/2026 di empat buah politeknik iaitu PUO, PSA, PIS dan PSAS. Analisis dapatan pelaksanaan rintis menunjukkan bahawa majoriti pelajar belum mencapai tahap kompetensi Bahasa Inggeris minimum pada peringkat kemasukan.

Diagnostic English Test (DT) merupakan instrumen pentaksiran diagnostik yang dirangka khusus bagi mengenal pasti tahap penguasaan Bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar baharu Program Ijazah Sarjana Muda (ISM) di politeknik. Dapatan DT digunakan sebagai asas untuk merancang Program Pengukuhan Bahasa Inggeris yang bersesuaian dengan tahap dan keperluan pelajar, sebagai persediaan awal sebelum pelajar menduduki Malaysian University English Test (MUET).



DT penting sebagai langkah awal untuk mengenal pasti keperluan pelajar dan menyokong intervensi pengukuhan Bahasa Inggeris sebelum MUET.

1.0 PENGENALAN

1.2 Objektif

Objektif pelaksanaan DT adalah seperti berikut:



2.0 TUJUAN

Pelaksanaan Diagnostic English Test (DT) dan Program Pengukuhan Bahasa Inggeris telah diluluskan melalui Mesyuarat Pengurusan Tertinggi JPPKK Bil. 8/2026. Arahan pelaksanaannya telah dikeluarkan melalui surat rujukan JPPKK.BK.600-9/1/1 Jld. 3 (21) bertarikh 22 Jun 2026 seperti di Lampiran 2. Sehubungan itu, panduan ini disediakan sebagai rujukan bagi memastikan DT dilaksanakan secara teratur, seragam dan sistematik di semua politeknik yang menawarkan Program Ijazah Sarjana Muda (ISM).

3.0 SKOP PELAKSANAAN



NOTA : Keperluan band minimum MUET tertakluk kepada ketetapan unit bidang

4.0 TAFSIRAN



Berikut adalah beberapa istilah dan tafsiran operasi berkaitan pelaksanaan dan pelaporan berkaitan *Diagnostic English Test* (DT):

KAMUS RINGKAS DT

10 istilah utama bagi pelaksanaan dan pelaporan *Diagnostic English Test*

01 MUET

Malaysian University English Test: ukuran pencapaian Bahasa Inggeris dan syarat bergraduat Program ISM mengikut *band* minimum yang ditetapkan.

02 IJAZAH SARJANA MUDA (ISM)

Program Sarjana Muda di poltekik terpilih yang tertakluk kepada syarat kemasukan, kurikulum dan syarat bergraduat yang ditetapkan.

03 DIAGNOSTIC ENGLISH TEST (DT)

Ujian diagnostik untuk mengenal pasti penguasaan awal dan jurang kemahiran Bahasa Inggeris sebelum persediaan menduduki MUET.

04 KUMPULAN SASARAN

Semua Pelajar Program ISM kecuali yang telah melepasi syarat yang ditetapkan.

05 PROGRAM PENGUKUHAN BAHASA INGGERIS

Program pengukuhan berdasarkan profil dan keperluan pelajar yang dikenal pasti melalui DT.

06 INSTRUMEN DT

Set soalan, arahan, skema jawapan, rubrik serta bahan sokongan rasmi yang diluluskan untuk pelaksanaan DT.

07 PENYELARAS DT INSTITUSI

Pegawai atau penyarah yang dilantik secara rasmi untuk menyelaras keseluruhan proses DT di institusi.

08 PENTADBIR UJIAN

Pensyarah atau pegawai yang mengendalikan sesi ujian mengikut prosedur yang ditetapkan.

09 DATA DT

Maklumat pendaftaran, kehadiran, respons, skor, kategori pencapaian, intervensi dan kemajuan pelajar.


10 PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PdP)

Interaksi pengajar dan pelajar yang merangkumi penyampaian ilmu, bimbingan kemahiran serta perubahan tingkah laku untuk mencapai objektif kurikulum.

5.0 KAEDAH PELAKSANAAN

5.1 Tempoh Pelaksanaan

DT perlu dilaksanakan pada awal semester, sejurus selepas pendaftaran pelajar baharu bagi Program ISM Sesi Akademik 1. Pelaksanaannya boleh dimulakan seawal minggu kedua sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP). Selain itu, penjadualan DT hendaklah diselaraskan dengan kalendar MUET yang terdekat bagi membolehkan pelajar mendaftar dengan lebih awal serta menerima input pengukuhan yang lebih komprehensif.



5.2 Persediaan Sebelum Ujian

Penyelaras DT Institusi bertanggungjawab melaksanakan perkara berikut:




5.3 Pengurusan Semasa Ujian



5.4 Pengurusan Selepas Ujian



Komponen Instrumen Diagnostic English Test (DT) adalah berdasarkan pemasangan soalan – soalan kertas *Reading* dan *Writing* MUET.




6.0 PROGRAM PENGUKUHAN BAHASA INGGERIS

6.1 Pelajar Sasaran

Keutamaan diberikan kepada pelajar yang memerlukan pengukuhan Bahasa Inggeris berdasarkan dapatan DT, termasuk pelajar yang menunjukkan jurang pencapaian ketara dalam mana-mana komponen *Reading, Writing, Listening* atau *Speaking* walaupun mencatatkan skor keseluruhan DT yang tinggi.

6.2 Cadangan Kaedah Pelaksanaan



6.3 Prinsip Pelaksanaan

Prinsip pelaksanaan program pengukuhan ini adalah untuk memberi penekanan kepada komponen *Reading, Writing, Listening* dan *Speaking.* Institusi diberikan fleksibiliti untuk menetapkan kandungan dan pendekatan pelaksanaan program berdasarkan kesesuaian serta keperluan pelajar yang dikenal pasti melalui dapatan DT.

7.0 PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB

Berikut merupakan peranan dan tanggungjawab pihak berkaitan dalam pelaksanaan DT:

PELAKSANAAN *DIAGNOSTIC ENGLISH TEST*

Lima pihak utama dalam memastikan pelaksanaan yang teratur dan berkesan

01 Bahagian Kurikulum / JPPKK

- Menetapkan dasar dan garis masa.
- Menyediakan atau meluluskan instrumen.
- Mengeluarkan arahan semasa.
- Menganalisis dapatan keseluruhan.

02 Pengurusan Politeknik / Jabatan

- Melantik penyelaras dan pegawai terlibat.
- Menyediakan sumber dan kemudahan.
- Memastikan pematuhan garis panduan.

03 Penyelaras DT Institusi

- Membuat perancangan dan garis masa.
- Menyelaraskan taklimat, jadual dan jawatankuasa terlibat.
- Mengagihkan tugas jawatankuasa untuk mengurus instrumen, memantau kehadiran, menyemak data, mengurus dan menghantar laporan.
- Mengenal pasti program pengukuhan bersesuaian.

04 Timbalan Pengarah Akademik / Ketua Pusat Pengajian Ijazah / Ketua Jabatan / Ketua Program

- Mengesahkan senarai pelajar.
- Menyokong penyediaan jadual.
- Memantau pelaksanaan.
- Membantu tindakan susulan bagi kes yang tidak lengkap.

05 Pelajar

- Menghadiri ujian pada hari dan masa yang ditetapkan
- Mematuhi arahan dan melaksanakan ujian dengan integriti
- Mendaftar MUET sesi semasa
- Menyertai program pengukuhan

8.0 PELAPORAN DAN PEMANTAUAN



9.0 PENGURUSAN DAN KESELAMATAN INSTRUMEN

9.1 Status dan Akses

Instrumen DT, Jadual Spesifikasi Ujian (JSU), skema jawapan, rubrik pemarkahan dan data individu pelajar merupakan dokumen terkawal. Akses kepada dokumen tersebut hendaklah diberikan hanya kepada pegawai yang diberi kuasa berdasarkan skop tugas dan tanggungjawab masing-masing. Dokumen tidak boleh dikongsi, disalin, diterbitkan atau diedarkan kepada mana-mana pihak yang tidak berkaitan tanpa kebenaran.



9.0 PENGURUSAN DAN KESELAMATAN INSTRUMEN

9.1 Status dan Akses

Instrumen DT, Jadual Spesifikasi Ujian (JSU), skema jawapan, rubrik pemarkahan dan data individu pelajar merupakan dokumen terkawal. Akses kepada dokumen tersebut hendaklah diberikan hanya kepada pegawai yang diberi kuasa berdasarkan skop tugas dan tanggungjawab masing-masing. Dokumen tidak boleh dikongsi, disalin, diterbitkan atau diedarkan kepada mana-mana pihak yang tidak berkaitan tanpa kebenaran.

9.2 Penyimpanan Instrumen

Semua instrumen dalam bentuk digital hendaklah disimpan dalam ruang penyimpanan rasmi yang mempunyai kawalan akses. Fail instrumen hendaklah:

1. diakses hanya oleh pegawai yang diberi kuasa;
2. tidak disimpan atau dikongsi melalui platform, peranti atau akaun peribadi yang tidak dibenarkan;
3. tidak dihantar melalui saluran komunikasi terbuka atau kumpulan yang melibatkan pihak yang tidak berkaitan

Bagi instrumen bercetak, bahan hendaklah disimpan di tempat yang selamat dan berkunci sehingga digunakan.

9.3 Percetakan dan Pengedaran Instrumen

Percetakan instrumen hendaklah dilaksanakan secara terkawal oleh pegawai yang diberi tanggungjawab. Jumlah salinan hendaklah berdasarkan bilangan calon dan keperluan pelaksanaan ujian. Semua salinan hendaklah dikira dan disahkan sebelum diedarkan kepada pentadbir ujian. Instrumen tidak boleh dibuka, diedarkan atau didedahkan kepada pelajar sebelum masa ujian yang ditetapkan.

9.4 Kawalan Instrumen Semasa Ujian

Penyelaras ujian bertanggungjawab memastikan keselamatan instrumen sepanjang sesi ujian.
Penyelaras hendaklah:

1. memastikan instrumen hanya diedarkan selepas arahan diberikan;
2. memastikan semua bahan ujian dan kertas jawapan dikumpulkan selepas tamat ujian; dan
3. menyemak jumlah bahan yang dikumpulkan sebelum calon meninggalkan tempat ujian.

Sebarang kehilangan, ketidakpadanan jumlah atau insiden yang boleh menjejaskan keselamatan instrumen hendaklah dilaporkan dengan segera kepada Penyelaras DT.

9.5 Pengurusan Instrumen Selepas Ujian

Selepas ujian selesai, semua bahan ujian hendaklah dikumpulkan dan dikawal bagi mengelakkan pendedahan atau penggunaan tanpa kebenaran. Kertas jawapan hendaklah diserahkan kepada pegawai atau pemeriksa yang diberi kuasa untuk tujuan pemarkahan.

Kertas soalan, skema jawapan dan rubrik tidak boleh diberikan kepada pelajar, dimuat naik ke platform pembelajaran terbuka atau diedarkan untuk tujuan latihan tanpa kebenaran pihak yang bertanggungjawab terhadap instrumen DT.

9.6 Kerahsiaan Pemarkahan dan Data

Skema jawapan, rubrik pemarkahan, skor serta keputusan individu pelajar hendaklah dikendalikan sebagai maklumat terkawal.

LAMPIRAN

Pemakluman Pindaan Pemakaian Pencapaian MUET sebagai Syarat Kelayakan Masuk kepada Syarat Bergraduat

BAHAGIAN GOVERNAN DAN KECEMERLANGAN
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
Galeria PjH, Aras 7, Jalan P4W
Persiaran Perdana, Presint 4
62100 W.P. PUTRAJAYA
Tel : 03-8888 2250
Faks: 03-8888 7211

Ruj. Kami : JPPKK.BGK.600-2/1/1 Jilid 5 (22)
Tarikh : 10 JANUARI 2025

SEPERTI DI LAMPIRAN

Tuan/Puan,

PEMAKLUMAN PINDAAN PEMAKAIAN PENCAPAIAN MUET SEBAGAI SYARAT KELAYAKAN MASUK KEPADA SYARAT BERGRADUAT BAGI PROGRAM IJAZAH SARJANA MUDA POLITEKNIK

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) melalui Bahagian Ambilan dan Pembangunan Pelajar (BAPP) telah membentangkan kertas pertimbangan memohon kelulusan bagi meminda pemakaian pencapaian MUET sebagai syarat kelayakan masuk kepada syarat bergraduat di dalam Mesyuarat Kajian Semula Dasar-dasar Berkaitan Jaminan Kualiti (MKSDJK) KPT-MQA Bil. 3/2023 pada 20 November 2023. Untuk makluman, Mesyuarat MKSDJK KPT-MQA telah bersetuju dan meluluskan pindaan ini (rujuk cabutan minit di Lampiran 1). Pindaan ini adalah berkuatkuasa bermula sesi pengambilan 2023/2024.

3. Sehubungan dengan itu, pelajar yang diterima masuk ke program Ijazah Sarjana Muda (ISM) perlu menduduki peperiksaan MUET sebelum bergraduat dan perlu mencapai tahap pencapaian mengikut bidang pengajian seperti di Lampiran 2 berdasarkan kepada ketetapan di dalam Kompilasi Dasar Jaminan Kualiti Pendidikan Tinggi (2009 – 2020) Edisi Ketiga yang menjadi rujukan institusi-institusi pengajian tinggi awam dan swasta dalam usaha mereka untuk menawarkan program yang berkualiti dan mematuhi standard-standard akreditasi.

5. Sebarang pertanyaan mengenai perkara ini pihak tuan/puan boleh berhubung dengan pegawai kami di Unit Jaminan Kualiti, Pn. Nor Ima binti Nor Shah (03-8888 3299, emel nor.ima@mohe.gov.my) dan Pn. Wan Nur Fathia binti Zakiudin (03-8888 3299, emel fathia.zakiudin@mohe.gov.my).

Segala perhatian dan kerjasama yang diberikan oleh pihak tuan/puan berkaitan perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(SR. HAJI RAZALI BIN JOHARI)
Pengarah
Bahagian Governan dan Kecemerlangan
Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti
Kementerian Pendidikan Tinggi

s.k.:
1. Pengarah Bahagian Kurikulum
2. Pengarah Bahagian Ambilan dan Pembangunan Pelajar
3. Pengarah Bahagian Peperiksaan dan Penilaian

Lampiran 1

5.6 **KERTAS PERTIMBANGAN JPPKK: PINDAAN PEMAKAIAN PENCAPAIAN MUET SEBAGAI SYARAT KELAYAKAN MASUK BAGI SEMUA PROGRAM SARJANA MUDA POLITEKNIK KEPADA SYARAT BERGRADUAT BERKUATKUASA SESI AKADEMIK 2023/2024 - LAMPIRAN 8**

5.6.1 Mesyuarat mengambil maklum bahawa:

i) Kertas pertimbangan ini adalah bagi memohon pertimbangan dan kelulusan mesyuarat berhubung pindaan pemakaian pencapaian *Malaysian University English Test* (MUET) sebagai syarat kelayakan masuk bagi semua program Sarjana Muda Politeknik kepada syarat bergraduat berkuatkuasa sesi Akademik 2023/2024;

ii) Pelaksanaan tahap minimum Band TIGA (3) *Malaysia University English Test* (MUET) sebagai syarat bergraduat dan syarat minimum Band DUA (2) bagi syarat kemasukan ke program sarjana muda *homegrown* Politeknik adalah berkuatkuasa mulai sesi Ambilan September 2015 melalui surat KPM.JPP. (A).700-1/1 (18) bertarikh 30 April 2015;

iii) Cadangan Pindaan Syarat Kemasukan Khas Bagi Ketetapan MUET yang sedang berkuat kuasa adalah mendapat Band 2 dalam Malaysian University English Test (MUET);

iv) Cadangan pindaan adalah calon mempunyai sekurang-kurangnya Band 2 dalam MUET dalam syarat kelayakan masuk ke program sarjana muda bagi lepasan diploma Politeknik dikecualikan. Cadangan syarat tambahan khas ini dibaca bersama syarat Kemasukan (Pindaan) adalah seperti berikut:

a) Calon lulus sekurang-kurangnya Tahap 2 (Band 2) MUET dalam syarat kelayakan masuk ke program Ijazah Sarjana Muda bagi lepasan Politeknik dikecualikan;

b) Pelajar dikehendaki mengikuti kursus pengukuhan Bahasa Inggeris sepanjang tempoh pengajian program

26

ijazah Sarjana Muda;

c) Pelajar perlu menduduki peperiksaan MUET sebelum bergraduat; dan

d) Pelajar perlu mencapai tahap (band) MUET yang ditetapkan berdasarkan program ijazah mengikut ketetapan Jawatan Kuasa Induk Penawaran dan Penjajaran Program Pengajian Politeknik & Kolej Komuniti.


5.6.2 Mesyuarat bersetuju bahawa:

i) Pelaksanaan cadangan 5.6.1 iv); dan
ii) JPPKK akan menyusul dan mengambil tindakan terhadap perkara 5.6.2 i).

Tindakan: JPPKK

Rajah 1: Cabutan Minit Mesyuarat Kajian Semula Dasar-dasar Berkaitan Jaminan Kualiti (MKSDJK) KPT-MQA Bil. 3/2023

Arahan Pelaksanaan *Diagnostic English Test* (DT) dan Program Pengukuhan Bahasa Inggeris bagi Pelajar Program ISM



JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
Galeria PjH, Aras 3-7, Jalan P4W
Persiaran Perdana, Presint 4
62100 W.P. PUTRAJAYA

Tel : 03-8891 9000
Faks : 03-8891 9306

Ruj. Kami : JPPKK.BK. 600 - 9/1/1 JLD.3 (21)
Tarikh : 22 Jun 2026

Senarai Edaran di Lampiran

YBrs. Dr./Tuan/Puan,

PELAKSANAAN 'DIAGNOSTIC ENGLISH TEST' (DT) DAN PROGRAM PENGUKUHAN BAHASA INGGERIS BAGI PELAJAR PROGRAM IJAZAH SARJANA MUDA (ISM) DI POLITEKNIK

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Mesyuarat Pengurusan Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) Bil. 8/2026 pada 12 Jun 2026 telah mengambil maklum dan bersetuju dengan pelaksanaan 'Diagnostic English Test' (DT) dan program pengukuhan Bahasa Inggeris bagi pelajar Program Ijazah Sarjana Muda (ISM) di politeknik.

3. Untuk makluman, MUET telah ditetapkan sebagai syarat bergraduat bagi pelajar Program ISM di politeknik mulai Sesi Akademik 2025/2026 mengikut *band* minimum yang ditetapkan berdasarkan bidang pengajian. Justeru, pelaksanaan DT dan program pengukuhan Bahasa Inggeris bertujuan untuk mengenal pasti tahap kompetensi Bahasa Inggeris pelajar lebih awal serta menyediakan sokongan yang bersesuaian kepada pelajar bagi memenuhi syarat bergraduat tersebut.

4. Sehubungan itu, semua politeknik yang menawarkan Program ISM hendaklah:
   i. melaksanakan DT kepada semua pelajar Program ISM;
   ii. menyediakan program pengukuhan Bahasa Inggeris kepada pelajar yang dikenal pasti memerlukan pengukuhan berdasarkan dapatan DT;
   iii. melaksanakan pemantauan pencapaian MUET pelajar secara berterusan; dan
   iv. mengemukakan laporan pelaksanaan dan pencapaian kepada Bahagian Kurikulum mengikut format dan tempoh yang akan ditetapkan.

5. Kaedah pelaksanaan DT dan program pengukuhan Bahasa Inggeris adalah tertakluk kepada kesesuaian dan kemampuan institusi masing-masing dengan memanfaatkan sumber sedia ada. Walau bagaimanapun, pelaksanaan hendaklah memastikan objektif pengesanan awal tahap kompetensi Bahasa Inggeris dan pengukuhan kepada pelajar yang memerlukan dapat dicapai.



JPPKK.BK. 600 - 9/1/1 JLD.3 (21)

6. Panduan pelaksanaan, instrumen DT dan format pelaporan akan diedarkan secara berasingan oleh Bahagian Kurikulum kepada pegawai yang bertanggungjawab menguruskan pelaksanaan DT di institusi.

7. Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini, pegawai yang boleh dihubungi adalah :

   i. Dr. Zanatul Shima binti Aminuddin
   No. Telefon : 03 – 8891 9125
   Emel : zanatul.shima@mohe.gov.my

   ii. Puan Noor Afziha binti Ngarisan
   No. Telefon : 03 – 8891 9028
   Emel : afziha@mohe.gov.my

Kerjasama dan komitmen pihak YBrs. Dr./tuan/puan amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.


"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(HILMUN BINTI MOHAMED A.M.(M))
Pengarah
Bahagian Kurikulum

s.k :
1. Pengarah Kanan Akademik
2. Pengarah Bahagian Pemeriksaan dan Penilaian
3. Pengarah Bahagian Instruksional dan Pembelajaran Digital



JPPKK.BK. 600 - 9/1/1 JLD.3 (21)

SENARAI EDARAN POLITEKNIK

1. **Pengarah**
   Politeknik Ungku Omar (PUO)
   Jalan Raja Musa Mahadi,
   31400 Ipoh, Perak.

2. **Pengarah**
   Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah (POLISAS)
   Semambu, 25330 Pahang.

3. **Pengarah**
   Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (POLIMAS)
   Bandar Darulaman, 06000 Jitra,
   Kedah.

4. **Pengarah**
   Politeknik Kota Bharu (PKB)
   KM 24, Kok Lanas
   16450 Ketereh, Kelantan

5. **Pengarah**
   Politeknik Port Dickson (PPD)
   KM14, Jalan Pantai 71050 Si
   Rusa, Negeri Sembilan.

6. **Pengarah**
   Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA)
   Persiaran Usahawan, Seksyen U1,
   40150 Shah Alam, Selangor.

7. **Pengarah**
   Politeknik Ibrahim Sultan (PIS)
   Km.10, Jalan Kong Kong
   81700 Pasir Gudang, Johor.

8. **Pengarah**
   Politeknik Merlimau (PMM)
   KM 2.5 Jalan Merlimau-Jasin,
   77300 Merlimau, Melaka.

9. **Pengarah**
   Politeknik Sultan Azlan Shah (PSAS)
   Behrang Stesyen,
   35950 Behrang, Perak.

10. **Pengarah**
    Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah (PTSB)
    Kulim Hi-Tech Park, 09000
    Kulim, Kedah.

Contoh Lantikan Jawatankuasa



POLITEKNIK MALAYSIA

MEMO JABATAN PENGAJIAN AM	
RUJUKAN: PUO/JPA/01/[illegible] (15)	Tarikh: 16 Mac 2026
PERKARA	PELANTIKAN SEBAGAI AHLI JAWATANKUASA PELAKSANAAN UJIAN DIAGNOSTIK MUET PERINGKAT POLITEKNIK UNGKU OMAR
KEPADA	SEPERTI PADA LAMPIRAN 1

YBrs Dr./Tuan/Puan,

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Dr./Tuan/Puan telah dilantik sebagai ahli jawatankuasa Pelaksanaan Ujian Diagnostik MUET Peringkat Politeknik Ungku Omar seperti dalam Lampiran 1.

3. Sehubungan dengan itu, adalah diharapkan agar Dr./Tuan/Puan dapat memberikan komitmen dan menjalankan tugas yang diamanahkan dengan penuh dedikasi. Kerjasama yang diberikan didahului dengan ucapan jutaan terima kasih.

Sekian.

"MALAYSIA MADANI"


"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(AMIR FARIZ BIN CHE MAN)
Emel: fariz@puo.edu.my

zarajpe

CONTOH



Lampiran 1

Penaung	Dr. Hajah Salmi Binti Che Meh
Penasihat	Norman bin Zamri Amir Fariz Bin Che Man
Pengerusi	Wan Zara Natasha binti Wan Mohd Isa
Ketua Pegawai Pelaksana	Nalanie a/p Raja Gobal
Timbalan Pegawai Pelaksana	Jeyahar Mark a/l Johnson Sundrasehgar
Setiausaha	Nuraisha Hajar Binti Nadzri
Jawatankuasa Pendaftaran	**Program BAT dan BCT** Munawira binti Saharani **Program BET dan BCE** Nor Fadzlinda binti Ishak **Program BMS, BME dan BMT** Nur Shazwani binti Shuhami Anita Hanim binti Taharim
Pengawas Peperiksaan	Fairuz Liza binti Shuhaimi Norhamizah binti Tamat Nur Diyana binti Mohd Raya Shamsul Banu binti Mohamed Siddik Fazlind binti Shuraimi Rashidah Radzi binti Rasalingam Wan Zara Natasha binti Wan Mohd Isa
Penyelaras Teknikal & Multimedia	Woon Chee Chee
Pemeriksa Kertas Jawapan	Muhammad Zaki bin Yahaya Jeyahar Mark A/L Johnson Sundrasehgar Nuraisha Hajar binti Nadzri Kaniselvi a/p Arasu Nor Haslinda binti Yusuff Maalani a/p Silverajoo Nalanie a/p Raja Gobal Siti Noraini bte Hassin @ Mohd Noor Nurul Huda binti Ahmad Thalhah Hariprisa a/p Mohanasunthar Zulaikha binti Zulkflee Syamsina binti Mohd Anis Nishantini a/p Ganesan Praveena a/p Chandrabala

Lampiran 4

Contoh Pengecualian Kuliah dari Timbalan Pengarah Akademik

POLITEKNIK MALAYSIA

MEMO TIMBALAN PENGARAH AKADEMIK	
RUJUKAN: PUO/PA/177 Jld. 2 (74)	Tarikh: 17 Mac 2026
PERKARA	UJIAN DIAGNOSTIK MUET PELAJAR IJAZAH SARJANA MUDA AMBILAN SESI AKADEMIK 1, 2025/2026
KEPADA	1. KETUA JABATAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL 2. KETUA JABATAN KEJURUTERAAN AWAM 3. KETUA JABATAN KEJURUTERAAN ELEKTRIK 4. KETUA JABATAN KEJURUTERAAN PERKAPALAN
SALINAN KEPADA	1. KETUA PUSAT PENGAJIAN SISWAZAH 2. KETUA PROGRAM 3. PENSYARAH KURSUS

YBrs Ts./Dr./Tuan/Puan,

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Unit Bahasa, Jabatan Pengajian Am akan melaksanakan Ujian Diagnostik MUET bagi pelajar Ijazah Sarjana Muda ambilan Sesi Akademik 1, 2025/2026 peringkat Politeknik Ungku Omar seperti butiran berikut:

Tarikh : **31 Mac 2026 (SELASA)**
Masa : **2.00 – 5.00 petang**
Tempat : **Dewan Seri Kinta, Kampus Bestari PUO**

CONTOH

3. Sehubungan dengan ini, mohon jasa baik YBrs. Ts./Dr./Tuan/Puan untuk memaklumkan dan memberi pengecualian kuliah kepada para pelajar seperti di lampiran untuk hadir menduduki Ujian Diagnostik MUET tersebut.

4. Kerjasama dan perhatian semua pihak amatlah dihargai dan didahului ucapan terima kasih.

Sekian.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"


Saya yang menjalankan amanah,

(NORMAN BIN ZAMRI)
Emel: norman@puo.edu.my

zara/pa

Lampiran 5

Contoh Susun Atur Tempat Ujian



NOMBOR MEJA	PROGRAM
1 - 16	BAT
17 - 33	BCE
34 - 63	BCT
64 - 79	BET
80 - 103	BME
104 - 125	BMS
126 - 137	BMT

Contoh Skrip Pengumuman Pengawas

SKRIP PENGUMUMAN KETUA PENGAWAS

(Arahan ini hendaklah dibacakan oleh Ketua Pengawas **SEBELUM** ujian bermula)

BAHAGIAN 1:

MASA	PENGUMUMAN
Sebelum/semasa masuk - 15 minit	Assalamualaikum w.b.t dan selamat petang Perhatian kepada semua pelajar. Sila daftar nama mengikut program masing-masing. Peperiksaan akan dimulakan sebentar lagi. Sila pastikan bag,semua buku-buku dan nota-nota ditinggalkan di luar atau di tepi dalam dewan peperiksaan. Periksa poket seluar dan baju untuk memastikan tiada nota yang dibawa masuk. Sila pastikan anda membawa peralatan menulis yang lengkap. Telefon bimbit, jam pintar dan dompet/purse dibenarkan dibawa masuk. Semua barang tersebut hendaklah diletakkan di lantai, di bawah meja masing-masing, dan pastikan telefon bimbit dimatikan. Sila pastikan anda duduk di tempat mengikut nombor meja yang ditetapkan untuk setiap program. Sila masuk ke dewan peperiksaan secara berhemah dan teratur.

SKRIP PENGUMUMAN KETUA PENGAWAS

(Arahan ini hendaklah dibacakan oleh Ketua Pengawas **SEBELUM** ujian bermula)

BAHAGIAN 2:

PENGUMUMAN DI DALAM DEWAN

MASA	PENGUMUMAN
Selepas masuk - 10 minit	Assalamualaikum w.b.t dan selamat petang Perhatian kepada semua pelajar. Ujian Diagnostik ini akan dimulakan sebentar lagi. Untuk makluman, ujian ini bertujuan untuk mendapatkan data keputusan pelajar dalam *Reading and Writing component* yang diadaptasi dari Ujian MUET sebenar. Para pelajar tak perlu risau tentang keputusan yang bakal diperolehi. Pihak kami hanya ingin memastikan agar dapat menambah baik dan membantu para pelajar dalam persediaan mengambil peperiksaan MUET sebenar pada masa akan datang. Ujian ini terbahagi kepada 2 Bahagian: **Reading – 45 Minit (mulai jam 2.30 petang – 3.15 petang)** **Writing – 30 Minit (mulai jam 3.30 petang – 4.00 petang)** Terdapat sela waktu rehat **15 minit** antara kedua – dua komponen. Pelajar tidak dibenarkan meninggalkan dewan sehingga kedua – dua komponen selesai. Berikut adalah arahan yang perlu dipatuhi oleh semua calon ujian: Sila pastikan sekali lagi, bag,semua buku-buku dan nota-nota ditinggalkan di luar dewan peperiksaan. Periksa poket seluar dan baju untuk memastikan tiada nota yang dibawa masuk. Pastikan telefon bimbit dan jam pintar anda dimatikan, kemudian letakkan di atas lantai di bawah meja masing-masing. Dompet/purse turut perlu diletakkan di lantai di bawah meja.

CONTOH

MASA	PENGUMUMAN
	Anda tidak dibenarkan bercakap atau berhubung di antara satu sama lain semasa berada di dalam dewan ini. Adalah diingatkan bahawa anda tidak dibenarkan keluar dewan sepanjang ujian dilaksanakan. Sekiranya anda telah siap menjawab semua soalan, anda diminta tunggu sehingga tamat masa. Sekiranya anda ingin ke tandas, sila maklumkan dan pastikan kembali semula ke dewan. Ingin diingatkan sekali lagi, tujuan ujian ini adalah untuk menambah baik sebarang kelemahan dalam komponen berkaitan bagi membantu para pelajar dalam persediaan mengambil peperiksaan MUET sebenar pada masa akan datang.
Semasa peperiksaan	Baikllah, dengan lafaz mulia .....pelajar boleh mula menjawab sekarang.
15 minit sebelum tamat masa	Perhatian !! ..... masa tinggal 15 minit lagi.
10 minit sebelum tamat masa	Perhatian !! ..... masa tinggal 10 minit lagi. Pelajar-pelajar tidak dibenarkan keluar dewan peperiksaan sehingga tamat peperiksaan.
5 minit sebelum tamat masa	Masa tinggal 05 minit lagi. Masa menjawab telah tamat !! ..... semua pelajar diminta berhenti menulis sekarang. Pastikan semua maklumat berkenaan ujian telah dilengkapkan
Selepas peperiksaan	Sila letakkan kertas di penjuru kanan meja. Anda tidak dibenarkan keluar sehingga diberitahu.

MASA	PENGUMUMAN
Selepas Skrip Jawapan dipungut	Ketua Pengawas memeriksa bilangan skrip jawapan menyamai bilangan pelajar. Pelajar diingatkan supaya tidak meninggalkan barangan peribadi yang dibawa masuk ke dalam dewan ini. Dengan itu, tamatlah ujian diagnostik kita pada waktu Kami memohon kerjasama para pelajar semua untuk mengemas kembali dewan ini dengan menyusun meja dan kerusi untuk disimpan semula ke dalam tempatnya. Sekian, terima kasih.

Contoh Instrumen DT (Komponen *Reading Test*)

KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

BAHAGIAN PEPERIKSAAN DAN PENILAIAN
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

MUET DIAGNOSTIC TEST

DURATION: 45 MINUTES

READING

SET 1

There are 22 questions in this Diagnostic Test.
Indicate the correct answer on the Multiple-choice Answer Sheet provided.
Answer all the questions.

DO NOT OPEN THIS QUESTION PAPER UNTIL YOU ARE TOLD TO DO SO

4 It's impossible to deny the parallels between people and ants, but these commonalities have emerged in different ways — for ants, they are solely the result of natural selection; for us, they are also the result of civilisation, technology and a system of moral values, but we often find similar problems confronting us: How can a large number of individuals live together in a small space? How do groups make do with limited resources? How do we stand our ground in an environment full of potential dangers? Commonalities and differences: Perhaps it is this combination of the two that makes ants so fascinating to us.

(Adapted from *Suzanne Foitzik & Olaf Fritsche's Empire of Ants: The Hidden Worlds and Extraordinary Lives of Earth's Tiny Conquerors, 2021* For MUET Session 1: 2025)

11. According to the writer, ants and people
    A. live separately from one another when given a choice
    B. choose to fight rather than run away when conflict occurs
    C. rely on the queen to increase the population when needed

12. The writer ends **Text 1** with questions to make readers
    A. aware of how ants and people have shared behaviours
    B. think about how ants and people adapt to living together
    C. consider how ants compete with people for territory to survive

7

CONTOH

PART 2:

This part consists of **FIVE (5)** objective questions. Read a short story about Mo-Mo of the Himalayas. Answer questions **6 to 10** based on the short story.

1 Once a year, nomads descend from the snow-covered Himalayas into the small town of Kokh Bazaar to buy and sell. It was there that Mo-Mo, a woman of the Bhutia tribe, heard about the expedition looking for the yeti or Abominable Snowman. It was also there that MoMo saw foreigners for the first time and heard about the huge rewards offered - for any news of tracks or descriptions of the yeti.

2 "These madmen!" the traders at the stalls called the foreigners in the expedition. "Why do they come to look for the yeti if they do not believe it exists?" Mo-Mo paid no attention to all their talk until she saw the bangle at a stall in Kokh Bazaar. Mo-Mo had many ornaments of her own but now she longed for this splendid glittering silver bangle. She kept thinking of it and longed to buy it.

3 One morning, Mo-Mo was far from home, looking for some stray animals. The snow had started falling and she pulled her shawl closely around her. She thought of her little son who was left behind with his grandmother. Mo-Mo smiled, thinking of him, her jewel. How he had screamed and clung to her when he realized she was going out.

4 Suddenly she stopped, startled. Could it be the tracks of a snowman in the snow? Tales of the beast came back to her. "It is fierce. It eats men. It means death if you meet one. It is unlucky even to see its tracks. If you see one, run away". Normally, she would be so scared that she would run away. But this time she had a strong reason to overcome her fear and so she decided to follow the tracks alone. The snow was covering the tracks fast. When she had identified the spot, she could return with others to kill or capture the beast.

5 Tibetan women are independent and determined and Mo-Mo was no different. She was bold and impulsive too. Without further thought, she decided to look for the yeti. The falling snow was covering the tracks fast in the darkening sky but it was still possible to follow them.

6 After a while, Mo-Mo paused and looked. The animal had stopped by the wayside! There was no scent, nothing she recognized -probably an unknown animal. The tracks led into a narrow ravine. She climbed onto the ridge and saw movement! An animal she has never seen before! It was large and had white, shaggy fur.

(Adapted from *O' Level Paper 2, July 1985*, For STPM Peperiksaan Percubaan 2022)

4

7 Coffee in Jordan is never just a quick cup. It is a sacred ritual in their culture. Wars have been fought over a cup of coffee, marriages arranged and relationships cemented. Abu Yussuf pours a cup for himself first to test if the coffee is hot enough. **21**_____. That would mean Abu Yussuf didn't put enough effort into it and is pouring cold coffee. A deadly sin.

8 "The cup should always be in your right hand," Abu Yussuf says as he starts to explain the local coffee etiquette. The left is used only for other matters, like going to the bathroom. Using your right hand doesn't apply just to food in Jordan. But, it is very important for coffee rituals.

9 Also, in Wadi Rum as well as other parts of Jordan, you shouldn't blow your coffee cool. You swirl it around in your cup until it's drinkable and then drink it in three sips. No more, no less. **22**_____. Do you want an extra shot? Lift up your cup. But no more than three times, because that would be rude.

(Adapted from *Newsweek, 2019* For MUET Session 1: 2024)

A That says something about the way the people there experience this desert environment.

B It is also sizzling hot here, with temperatures well over 100 degrees Celsius.

C The smell of the coffee and spices, boiling in an old pot, fills the desert air.

D It was a find while diving on the bottom of the Red Sea earlier this week.

E If you have had enough, swing your cup back and forth.

F You shouldn't be able to drink it all in one go.

G Wadi Rum is cast regularly as the red planet.

END OF DIAGNOSTIC TEST

12

Contoh Instrumen DT (Komponen *Writing Test*)



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

BAHAGIAN PEPERIKSAAN DAN PENILAIAN
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

MUET DIAGNOSTIC TEST

DURATION: 30 MINUTES


WRITING

SET 1

There is 1 question in this Diagnostic Test.

DO NOT OPEN THIS QUESTION PAPER UNTIL YOU ARE TOLD TO DO SO

CONTOH



Extended Writing

You watched a forum which focused on the challenges of living in today's world. The panellists were experts on mental health. One of the panellists made the following comment:

"Education on mental health is necessary in the 21st century."

Write **a 3-paragraph essay** which consists of an **Introduction, Body** and **Conclusion** expressing your opinion on the comment.

Write at least 150 words.


Suggested Time: 30 minutes

(36 marks)

(Adapted from MUET Test Session 1 2024)

2

Contoh Laporan Pelaksanaan DT dan Program Pengukuhan Bahasa Inggeris



A. MAKLUMAT INSTITUSI

Nama Politeknik	Politeknik Ungku Omar (PUO)
Program ISM	ISM Teknologi Kejuruteraan Awam Dengan Kepujian - PUO
Sesi Akademik	Sesi Akademik 2: 2028/2029
Tarikh Pelaksanaan DT	
Nama Penyelaras DT	CONTOH: Ahmad Faiz Bin Sapuan

Diisi Secara Manual

Dijana Secara Automatik

B. RINGKASAN PELAKSANAAN DT

Bil. Pelajar Berdaftar	0
Bil. Hadir DT	0
Bil. Tidak Hadir DT	0
Bil. Perlu Pengukuhan	0
Bil. Tidak Perlu Pengukuhan	0

SILA PILIH TARIKH

< > September 2026

Su	Mo	Tu	We	Th	Fr	Sa
30	31	1	2	3	4	5
6	7	8	9	10	11	12
13	14	15	16	17	18	19
20	21	22	23	24	25	26
27	28	29	30	1	2	3
4	5	6	7			

Status of Built-In Date Picker

C. PENCAPAIAN MUET SEBELUM DT

Bil. Telah Menduduki MUET	0
Bil. Telah Mencapai Band Minimum	0
Bil. Belum Mencapai Band Minimum	0

D. PENCAPAIAN MUET SELEPAS DT

Bil. Telah Menduduki MUET	0
Bil. Telah Mencapai Band Minimum	0
Bil. Belum Mencapai Band Minimum	0

CONTOH


E. PROGRAM INTERVENSI (PENGUKUHAN)

Nama Program Intervensi	Kaedah Pengukuhan	Tarikh Pelaksanaan	Bil. Peserta	Tempoh Pelaksanaan (Jam)
Contoh: Bengkel Pengukuhan Bahasa & Format MUET	Pembelajaran Digital		0	14

F. ISU BERKAITAN & CADANGAN

Isu Berkaitan	
Cadangan	

Contoh Laporan Pemantauan Pencapaian MUET



DASHBOARD ANALISIS DIAGNOSTIC TEST (DT) & MUET

Jumlah Pelajar Berdaftar	Jumlah Hadir DT	Bil. Perlu Pengukuhan
0	0	0

1. ANALISIS MENGIKUT TAHAP DIAGNOSTIC TEST (DT)

Tahap DT	Bil. Pelajar	% Pelajar	Perlu Pengukuhan?
Basic	0	#DIV/0!	Ya
Intermediate	0	#DIV/0!	Ya
Proficient	0	#DIV/0!	Tidak
JUMLAH KESELURUHAN	0	#DIV/0!	-

Tahap DT	Jumlah Pelajar
Basic	0
Intermediate	0
Proficient	0
JUMLAH KESELURUHAN	0

2. ANALISIS PENCAPAIAN BAND MUET SEBELUM DT

2. ANALISIS PENCAPAIAN BAND MUET SEBELUM DT

Band MUET	Bil. Pelajar	% Pelajar	Status Band	% Belum /Telah Capai Tahap Minimum
Band 1	0	#DIV/0!	Belum Capai Tahap Minimum	#DIV/0!
Band 2	0	#DIV/0!	Belum Capai Tahap Minimum	
Band 2.5	0	#DIV/0!	Belum Capai Tahap Minimum	
Band 3	0	#DIV/0!	Belum Capai Tahap Minimum	
Band 3.5	0	#DIV/0!	Belum Capai Tahap Minimum	
Band 4	0	#DIV/0!	Telah Capai Tahap Minimum	#DIV/0!
Band 4.5	0	#DIV/0!	Telah Capai Tahap Minimum	
Band 5	0	#DIV/0!	Telah Capai Tahap Minimum	
Band 5+	0	#DIV/0!	Telah Capai Tahap Minimum	
JUMLAH KESELURUHAN	0	#DIV/0!	-	-

2. ANALISIS PENCAPAIAN BAND MUET SELEPAS DT

Band MUET	Bil. Pelajar	% Pelajar	Status Band	% Belum /Telah Capai Tahap Minimum
Band 1	0	#DIV/0!	Belum Capai Tahap Minimum	#DIV/0!
Band 2	0	#DIV/0!	Belum Capai Tahap Minimum	
Band 2.5	0	#DIV/0!	Belum Capai Tahap Minimum	
Band 3	0	#DIV/0!	Belum Capai Tahap Minimum	
Band 3.5	0	#DIV/0!	Belum Capai Tahap Minimum	
Band 4	0	#DIV/0!	Telah Capai Tahap Minimum	#DIV/0!
Band 4.5	0	#DIV/0!	Telah Capai Tahap Minimum	
Band 5	0	#DIV/0!	Telah Capai Tahap Minimum	
Band 5+	0	#DIV/0!	Telah Capai Tahap Minimum	
JUMLAH KESELURUHAN	0	#DIV/0!	-	-

D. PENCAPAIAN MUET SEBELUM & SELEPAS DT

Status MUET	Sebelum DT	Selepas DT
Bil. Telah Menduduki MUET	0	0
Bil. Telah Mencapai Band Minimum	0	0
Bil. Belum Mencapai Band Minimum	0	0

CONTOH

JAWATANKUASA PENERBITAN

PENAUNG
YBrs. Dr. Shamsuri bin Abdullah
Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti

PENASIHAT
Hilmun Binti Mohamed
Pengarah
Bahagian Kurikulum, JPPKK

PENGERUSI
Dr. Zanatul Shima binti Aminuddin
Ketua Seksyen Sains Sosial dan Perkhidmatan

KETUA EDITOR
Noor Afziha binti Ngarisan
Ketua Penolong Pengarah
Unit Pengajian Umum

EDITOR
Wan Zara Natasha Binti Wan Mohd Isa
Nalanie a/p Raja Gobal
Hema a/p Muniandy Portorajo

PENYELARAS
Muhammad Asyraf bin Ahmad

PENULIS
Wan Zara Natasha Binti Wan Mohd Isa
Nalanie a/p Raja Gobal
Hema a/p Muniandy Portorajo
Angela Kwon Mei Jun
Ahmad Faiz bin Sapuan
Christina Devi Kulandasamy
Noor Azlin binti Mohd Sidek
Dr. Catherine Nguoi Chui Lam
Kamarul Aina binti Mohamed
Dr. Hjh. Nor Haniza Binti Mohamad
Melissa Khor Suan Chin
Eda Idoera bt Mohd Yusak
Pramila Devi a/p Chelliah
Nur Hartini Binti Harun
Nor Fazila binti Shamsuddin
Rosheela bt Muhammad Thangaveloo

PENYEMAK BAHASA
Roslan Bin Mamat
Angela Kwon Mei Jun

PEREKA GRAFIK
Helen Yong Lee Geok
Norkheiah binti Jamaluddin
Wan Sukartini Binti Wan Samiun

PEREKA TEMPLAT RASMI PELAPORAN DT
Ahmad Faiz bin Sapuan
Christina Devi Kulandasamy



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNIT

POLITEKNIK
MALAYSIA

eISBN 978-629-7550-66-4

